

BERBAKAT...Ahli Kelab Anak-anak Warisan ketika mempersembahkan tarian labi-labi di satu pementasan budaya di Pekan.



Keunikan taria



>>Oleh AINAL MARHATON
ABD GHANI

am@hmetro.com.my

TARIAN labi-labi? Diyakini ramai generasi muda hari ini tidak tahu mengenainya, malah mungkin sebahagian besar tidak tahu langsung mengenai kewujudannya.

Bagaimanapun, penghargaan wajar diberi kepada 25 remaja di Peramu, Pekan, Pahang yang berusaha memartabatkan seni tari berkenaan di mata masyarakat, khususnya untuk tatapan generasi muda.

Bergabung sebagai Kelab Anak-anak Warisan Pekan, perintis cilik ini mempunyai kekuatan sendiri untuk memartabatkan tarian tradisi berkenaan supaya tidak hilang ditelan zaman.

Minat dan kesungguhan ditunjukkan mereka menjadi asas kukuh mempamerkan mutu persembahan yang mengagumkan sama ada di majlis perkahwinan, persembahan kebudayaan mahupun pentas teater.

Pengurus kumpulan merangkap




...Awang Kechik memberi tunjuk ajar kepada penari tarian labi-labi pada sesi latihan.



PEJUANG BUDAYA...Ahli Kelab anak-anak Warisan mengabadikan kenangan bersama pengurus mer

Info

NAMA PERTUBUHAN:
Kelab Anak-anak Warisan
TARIKH PENUBUHAN:
2007
JURULATIH: Awang Kechik Jusoh
LOKASI: Perumahan Kampung Jambu Batu, Pekan
AHLI: 25 orang
LATIHAN: Tiga kali seminggu
AKTIVITI: Majlis perkahwinan, persembahan kebudayaan



-> Profil
NAMA: Mohammad Khairul Farhan Awang Kechik
UMUR: 17 tahun
LAHIR: 7 Oktober 1993
PENDIDIKAN: SMK Peramu Jaya
POSISI: Penari



-> Profil
NAMA: Nur Diyanah Fatimah Mohd Asri
UMUR: 14 tahun
LAHIR: 12 Julai 1996
PENDIDIKAN: SMK Datuk Mahmud Mat
POSISI: Penari



-> Profil
NAMA: Nur Farzana Amiruddin
UMUR: 14 tahun
LAHIR: 4 November 1996
PENDIDIKAN: SMK Datuk Mahmud Mat
HOBI: Mendengar radio dan membaca novel
POSISI: Penari



-> Profil
NAMA: Nur Hidayu Mohd Razali
UMUR: 14 tahun
LAHIR: 6 Mac 1996
PENDIDIKAN: SMK Datuk Mahmud Mat
POSISI: Penyanyi latar



-> Profil
NAMA: Ahmad Fairuz Muhamad Bakhir
UMUR: 15 tahun
LAHIR: 2 April 1995
PENDIDIKAN: SMK Peramu Jaya
HOBI: Futsal dan bola sepak
POSISI: Penari

Metro Ahad 28/05/2010
MISC-C5
n labi-labi

Kelab Anak-anak Warisan Pekan martabatkan warisan seni yang dipopularkan masyarakat petani Endau, Rompin



gkap jurulatih, Awang Kechik (berdiri kiri).

jurulatih tarian, Awang Kechik Jusoh, 56, berkata penubuhan kelab itu sejak tiga tahun lalu menjadi landasan mempertahankan tarian budaya Melayu yang diwarisi sejak berzaman lamanya.

Menurutnya, tarian berkenaan warisan seni yang dipopularkan masyarakat petani Endau, Rompin satu ketika dulu yang dikisahkan dalam bentuk komedi mengenai gelagat si pemancing menangkap labi-labi.

"Bagaimanapun, bukan mudah mengajak anak muda mempelajari dan menjiwai seni tarian tradisional Melayu lama ini.

"Selepas tiga tahun penubuhan kelab ini, hanya 25 pelajar menunjukkan minat dan kesungguhan mendalam untuk mempelajari tarian ini," katanya kepada Metro Ahad ketika ditemui pada sesi latihan di kediamannya di Kampung Jambu Batu, Peramu, baru-baru ini.

Awang Kechik yang berpengalaman lebih 15 tahun dalam bidang seni tari tradisional Melayu mengakui tarian labi-labi memerlukan tumpuan sepenuhnya walaupun ia mudah dipelajari.

"Perlu diingat, setiap penari perlu menggerakkan pergelangan tangannya sepanjang persembahan untuk disesuaikan dengan gerakan sebenar labi-labi.

"Walaupun ada kalangan mereka mengeluh kerana kepenatan, saya katakan kepada mereka itulah pengorbanan yang perlu dibayar bagi mempertahankan seni warisan berzaman yang semakin dilupakan," katanya.

Anak Awang Kechik yang juga seorang daripada penari kumpulan itu, Mohammad Khairul Farhan, 17, ketika ditemui berkata, remaja wajar diberi peluang mengenali dan mempelajari seni tari tradisional.

"Generasi muda hari ini kurang diberi pendedahan mengenai seni warisan Melayu, sebaliknya terlalu

didedahkan dengan budaya tarian Barat yang diresap ke dalam tarian tradisional Melayu.

"Saya dan rakan sentiasa teruja membuat persembahan tarian labi-labi, terutama di majlis perkahwinan, kerana semua peringkat generasi sama ada tua atau muda dapat menyaksikannya," kata anak bongsu daripada tujuh beradik itu.

Lebih istimewa, Mohamad Khairul Farhan bersama empat daripada lima saudara kandungnya turut terbabit dalam mempersembahkan tarian unik berkenaan.

"Selain ayah, abang, Khairul Firdaus dan dua kakak saya, Nur Juaraislina, 27, dan Nur Juwaini Farahi, 20, turut terbabit dan gandingan mantap kami berjaya mencuri perhatian penonton," katanya.

Bagi Nor Farzana Amiruddin, 14, generasi muda perlu diperkenalkan dengan seni warisan tarian tradisional Melayu lama ini kerana ia khazanah bernilai berbanding tarian moden.

"Saya berazam memperkenalkan tarian ini ke peringkat lebih tinggi, bukan sekadar persembahan di majlis perkahwinan dan kebudayaan.

"Tarian ini ada ceritanya tersendiri dan bukan semua orang boleh melakukannya kerana pergerakannya nampak mudah tetapi sukar dilakukan," katanya.

Nur Hidayu Mohd Razali, 14, berkata galakan daripada guru dan rakan sekolah membuatnya teruja untuk menyertai kelab tarian labi-labi itu yang disifatkannya sangat istimewa.

"Walaupun diberi tugas sebagai penyanyi untuk mengiringi tarian itu, saya juga boleh menari dan sentiasa mengambil peluang berlatih jika tidak menyanyi.

"Masa mula-mula belajar dulu, kedua-dua pergelangan tangan saya menjadi kebas dan terseliuh kerana perlu digerakkan sepanjang tempoh persembahan," kata

anak bongsu daripada empat beradik itu.

Bagi Ahmad Fairuz Muhamad Bakhr, 15, pembabitannya dalam kumpulan tarian menepis tanggapan segelintir masyarakat yang mendakwa remaja hari ini lebih taksub kepada tarian moden dari luar negara semata-mata.

"Dakwaan itu tidak benar kerana saya bersama kelab ini sejak awal penubuhannya dan bangga dapat menyertai kumpulan ini," katanya yang belajar di Sekolah Menengah Kebangsaan Peramu Jaya.

Pembantu muzik, Hasmadi Ali, 30, berkata tarian ini perlu diketengahkan ke peringkat lebih tinggi untuk memastikan ia diterima setiap generasi dan tidak hilang ditelan zaman.

"Sayang sekali jika tarian seindah ini tidak mendapat perhatian pelbagai agensi kesenian dan kebudayaan kerana keunikannya tidak ditemui dalam mana-mana jenis tarian.

"Siapa yang sanggup mengenakan aksesori umpama cengkerang labi-labi dan mengesot selama 40 minit setiap kali mengadakan pertunjukan," katanya yang 12 tahun membabitkan diri dalam seni tarian tradisional itu.

Hasmadi bersama Awang Kechik penggerak utama kelab itu khusus untuk melatih remaja, terutama pelajar sekolah, mempromosi tarian labi-labi di luar daerah Pekan.

"Saya berazam menghidupkan kembali tarian lama ini kerana pelajar menunjukkan komitmen yang tidak berbelah bagi, malah sanggup menjalani latihan di sebelah malam kerana pelajar perlu memberi tumpuan di bidang akademik pada sebelah siang.

"Kami dalam proses membuat logo dan mewujudkan laman web khusus untuk memperkenalkan tarian ini kepada masyarakat umum dengan harapan semua impian kami bakal terlaksana," katanya.